



# 23<sup>rd</sup> CONFERENCE OF THE INTERNATIONAL ASSOCIATION OF HISTORIANS OF ASIA 2014 (IAHA 2014)

**Asian History, Historiography and Heritage : Managing Experiences and Future**

**23 ~ 27 AUGUST 2014**

**THI Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia**

*Patron:*

**Yang Amat Berhormat Tan Sri Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin  
Deputy Prime Minister of Malaysia  
and  
Minister of Education**

*Main Sponsors:*



DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE  
MINISTRY OF INFORMATION, COMMUNICATIONS AND CULTURE

## **Ancaman Komunis di Negeri Kedah, 1948-1989: Satu Penelitian Sejarah**

Dr. Ho Hui Ling  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
hohuiling@um.edu.my

### **Pengenalan**

Tanah Melayu berdepan dengan ancaman komunis sebelum dan selepas merdeka. Pergerakan komunis bermula pada tahun 1920-an dan mencapai kemuncak kepada pengisytiharan darurat pada 18 Jun 1948 sehingga 31 Julai 1960. Undang-undang Darurat diisytiharkan untuk menangani masalah komunis daripada berleluasa di negeri-negeri Melayu. Ini kerana komunis dilihat sebagai satu ancaman besar kepada keselamatan dan keamanan negara. Zaman darurat hanya berakhir pada 31 Julai 1960. Namun demikian, keadaan itu tidaklah bermakna komunis telah menghentikan pergerakan, sebaliknya mereka telah bangkit semula di Semenanjung Malaysia pada Jun 1968. Dari situ komunis meneruskan pergerakan sehingga mereka bersetuju berdamai dengan kerajaan pada Disember 1989. Sebagaimana negeri-negeri Melayu yang lain, negeri Kedah juga berdepan dengan masalah komunis pada tempoh 1948-1989. Sepanjang pergerakan itu, komunis telah melakukan banyak kekacauan di negeri Kedah. Tindakan komunis itu telah mendatangkan banyak gangguan dan kesulitan kepada penduduk dan pihak pentadbiran. Justeru itu, kertas kerja ini akan meneliti ancaman komunis kepada negeri Kedah dari tahun 1948 sehingga 1989. Untuk itu, perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu ancaman komunis, 1948-1960 (zaman darurat) dan ancaman komunis, 1968-1989 (era kebangkitan semula komunis).

### **Kepentingan Kedah Kepada Pergerakan Komunis**

Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu dan bersempadan dengan Thailand. Di bahagian utara, Kedah bersempadan dengan negeri Perlis dan Songkhla serta Yala di Thailand. Di sebelah selatan pula, Kedah bersempadan dengan Perak dan Pulau Pinang ke arah barat daya. Menurut *Annual Report of People of State of Kedah, 1948*, kegiatan komunis di negeri Kedah adalah tertumpu di bahagian selatan, tengah, timur dan utara. Keadaan ini dipengaruhi oleh bentuk muka bumi, pola petempatan penduduk dan jalan perhubungan. Kawasan yang strategik bagi pergerakan komunis ialah di kawasan yang diliputi hutan, berbukit-bukau dan terpencil serta tiada sistem perhubungan yang baik yang memudahkan kemasukan pasukan keselamatan ke kawasan itu. Ini kerana kawasan-kawasan tersebut sukar dijejaki oleh pihak keselamatan dan sekaligus memudahkan pergerakan komunis.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> *Annual Report of People of State of Kedah, 1948*, Alor Setar: Kedah Government Press, 1949, hlm. 42.

Peta 1: Kedudukan Kedah



Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/File:Map\\_PeninsularMalaysia.png](http://en.wikipedia.org/wiki/File:Map_PeninsularMalaysia.png)

Di negeri Kedah, faktor penduduk dan kedudukan geografi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pergerakan komunis di negeri itu. Kawasan yang menjadi tumpuan komunis di negeri Kedah ialah di Sintok dan Changlun yang majoriti penduduknya ialah orang Cina. Mereka kebanyakan adalah pelombong dan pekerja balak yang memudahkan PKM mendapat sokongan moral dan bantuan makanan. Tambahan pula, kedudukan kawasan itu adalah berhampiran dengan Thailand dan diliputi hutan tebal yang memudahkan komunis menyembunyikan diri serta melarikan diri apabila diburu. Kawasan seperti itu amat strategik sebagai pangkalan aktiviti komunis dan juga sesuai digunakan sebagai laluan antara Tanah Melayu dengan Thailand. Selain itu, beberapa kawasan di Kedah Tengah termasuk Gurun, Padang Lembu dan Bukit Selambau serta pekan-pekan Lunas, Karangan, Merbau Pulas, Junjung, Terap, Serdang, Labu Besar dan Padang Serai di Kedah Selatan juga penting bagi pergerakan komunis.<sup>2</sup> Ini kerana

<sup>2</sup> Ho Hui Ling, "Pembanterasan Komunis Pada Zaman Darurat", *Kedah warisan dan sejarah*, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 2012, hlm. 366.

kawasan-kawasan itu mempunyai penduduk Cina yang ramai yang boleh dipergunakan oleh komunis bagi mendapatkan bantuan.

Kepentingan negeri Kedah kepada pergerakan komunis semakin terserlah apabila Baling, sebuah daerah yang terletak di bahagian selatan Kedah dan bersempadan dengan Pengkalan Hulu, Perak dan Thailand, dipilih sebagai tempat berlangsungnya rundingan yang bersejarah di antara pihak kerajaan dengan PKM. Rundingan itu dikenali sebagai Rundingan Baling yang diadakan pada 28 dan 29 Disember 1955 di Sekolah Rendah Kebangsaan Tunku Putra. Rundingan Baling merupakan satu-satunya rundingan meja bulat antara pihak kerajaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dengan barisan tertinggi PKM pada zaman darurat (1948-1960) di Tanah Melayu.<sup>3</sup> Peristiwa itu menunjukkan betapa pentingnya negeri Kedah dan Baling khasnya dalam sejarah pergerakan komunis dan zaman darurat di Tanah Melayu.

Walaupun PKM mengundurkan diri ke selatan Thailand apabila darurat berakhir pada Julai 1960 tetapi mereka bangkit semula pada Jun 1968. Dalam era kebangkitan semula komunis, Kedah juga masih berdepan dengan ancaman komunis. Ini kerana kedudukan negeri itu yang berdekatan dengan sempadan Thailand yang merupakan pusat persembunyian dan pergerakan utama komunis selepas tahun 1960. Dari selatan Thailand, komunis kemudian telah menyusup masuk ke negeri-negeri Melayu di utara, iaitu Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan yang bersempadan dengan Thailand sebelum mereka bergerak ke negeri-negeri di selatan Semenanjung Tanah Melayu.

Kawasan sempadan Malaysia-Thailand memberikan satu ruang yang baik dalam perjuangan komunis kerana kawasan itu terdiri dari kawasan tanah tinggi yang bergunung-ganang dan berbukti-bukau. Kawasan itu juga diliputi dengan hutan yang tebal. Keadaan geografi kawasan yang sedemikian adalah amat sesuai dijadikan sebagai tempat persembunyian kader-kader komunis kerana kawasan yang terlindung dan sukar dikesan oleh pasukan keselamatan sama ada dari darat ataupun udara. Kawasan sempadan itu juga mempunyai laluan-laluan yang pernah digunakan oleh penduduk di kedua-dua buah negara sama ada bagi mengunjungi saudara mara mereka, mencari hasil hutan ataupun menjalankan aktiviti penyeludupan. Laluan-laluan itu juga digunakan oleh komunis bagi melancarkan kegiatan mereka di kawasan Malaysia dan melarikan diri apabila diburu oleh pasukan keselamatan.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Maklumat lanjut, lihat Wahba, *Baling: Membuka Jalan Damai*, Selangor: Masa Enterprise, 1994; Nik Anuar Nik Mahmud, Prof Madya Dr., *Tunku Abdul Rahman and His Role in The Baling Talks, A Documentary History*, Kuala Lumpur: Memorial Tunku Abdul Rahman, Arkib Negara Malaysia, 1998; Wan Hamzah Awang, *Detik Sejarah Rundingan Baling*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1985; Ramli bin Haji Ahmad, "Perjumpaan Baling 1955", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (Penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera Malaysia, 1989, hlm. 193-222.

<sup>4</sup> *The Malaysian Army's Battle Against Communist: Insurgency in Peninsular Malaysia 1968-1989*, Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat, 2001, hlm. 6.

Keadaan geografi dan masyarakat di sempadan yang agak terbiar dari segi perlindungan serta pembangunan telah menjadikan mereka mudah terpengaruh dengan ugutan komunis. Dengan itu, mereka memberi sokongan moral ataupun material kepada komunis. Malahan ada yang berjaya direkrut untuk menyertai gerakan komunis. Di situ juga, PKM bekerjasama dengan Parti Komunis Thailand (PKT) bagi mencapai matlamat menjatuhkan kerajaan masing-masing dan menubuhkan republik komunis. Jelaslah bahawa kawasan di selatan Thailand menjadi tempat berkubu, berrsembunyi, berlatih dan berkembangnya gerombolan PKM.<sup>5</sup> Justeru itu, Kedah yang bersempadan dengan Thailand menjadi penting dalam pergerakan komunis dalam era kebangkitan semula.

### **Ancaman Komunis, 1948-1960**

Berikutan pembunuhan ke atas tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak,<sup>6</sup> Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan Undang-undang Darurat. Lantaran itu, bermula pada 18 Jun 1948, seluruh Tanah Melayu termasuklah negeri Kedah telah diletakkan di bawah kuatkuasa Undang-undang Darurat.

Walaupun Undang-undang Darurat telah dikuatkuasakan, tetapi komunis terus bergerak di negeri Kedah. Pelbagai bentuk kegiatan kejahatan dan keganasan dilakukan oleh komunis. Antaranya, komunis melakukan serangan ke atas orang awam dan pasukan keselamatan serta balai polis. Komunis juga menyerang estet getah dan membunuh peladang Eropah serta mengganggu sistem perhubungan dan kemudahan asas. Semua kegiatan komunis itu adalah bertujuan supaya penduduk kehilangan keyakinan terhadap pentadbiran British, mengganggu kegiatan ekonomi dan pelaburan dan seterusnya menghalau orang British keluar dari negeri Kedah khususnya dan Tanah Melayu umumnya.

Serangan ke atas orang awam sering dilakukan oleh komunis dengan harapan agar orang awam hilang keyakinan dengan keupayaan kerajaan melindungi nyawa dan harta benda mereka. Dengan itu, orang awam akan membantu komunis dan bukan kerajaan. Keganasan yang dilakukan oleh komunis itu menyebabkan penduduk sentiasa hidup dalam ketakutan dan kebimbangan kerana bahaya ancaman komunis yang boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa. Antara kejadian komunis terhadap orang

---

<sup>5</sup> Dalam keadaan itu, kekuatan komunis semakin meningkat. Pada 1970-an, PKM mempunyai kekuatan tentera yang dianggarkan berjumlah 2,047 orang. Anggota-anggota komunis itu terdiri daripada 732 orang rakyat Malaysia keturunan Cina, 107 orang rakyat Malaysia keturunan Melayu, 2 orang rakyat Malaysia Keturunan India, 11 Orang Asli Malaysia, 23 rakyat Malaysia keturunan Cina yang mengakui diri mereka mualaf, berserta dengan 661 rakyat Thailand keturunan Cina, 509 orang Islam Thailand dan dua orang keturunan Jepun. Mohd. Reduan Haji Asli, *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm. 135. Lihat juga Tan Sri Ghazali Shafie, "Aktiviti Subversif Bagaimana Hendak Menghapuskannya", *Kenyataan Akhbar di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*, Kuala Lumpur, 13hb Ogos 1976.

<sup>6</sup> Mangsa yang terlibat ialah Arthur Walker, pengurus Ladang Elphil; John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon di kawasan Sungai Siput, Perak. Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010, hlm. 27; Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011 (Cetakan Kedua), hlm. 15.

awam termasuklah serangan, rompakan, tembakan dan sabotaj. Perbuatan komunis itu menyebabkan kecederaan, kematian dan perampasan barangan serta wang milik mangsa.

Antara ancaman komunis terhadap orang awam berlaku pada 22 Jun 1948, sekumpulan 20 orang komunis bersenjatakan senapang dan revolver menyerbu Kampung Tassek, selatan Kroh, Kedah/Perlis. Mereka merompak lima kedai bagi mendapatkan makanan, pakaian dan merampas wang tunai yang berjumlah kira-kira \$1191.85.<sup>7</sup> Di Alor Penyengat, Alor Setar, pada 7 Oktober 1948, tujuh orang komunis bersenjata memaksa seorang petani Melayu tua membuka pintu rumah. Setelah menggeledah rumah, komunis melarikan diri dengan wang tunai, pakaian dan barang kemas yang bernilai \$521.50.<sup>8</sup> Sementara itu, pada Oktober 1948, segerombolan 10 orang komunis yang bersenjatakan empat sten-gan dan enam senapang, melakukan perompakan ke atas lima rumah Cina di Ayer Tengah kira-kira dua batu dari Kampung Tassek Selatan, Kedah/Perlis. Mereka merampas barang makanan dan beras. Kejadian seperti itu turut berlaku pada 18 Oktober 1948, dimana sekumpulan lapan orang komunis telah menyerbu sebuah banglo lama di Belukar Semang, Kedah/Perlis yang disewa oleh seorang pemotong kayu. Komunis menggeledah tempat itu dan melarikan diri setelah merampas wang tunai, pakaian dan barang makanan.<sup>9</sup> Dalam perkembangan lain, ada 30 Oktober 1948, seramai 20 orang komunis menembak mati seorang Melayu di Sungai Tawar, berhampiran Baling.<sup>10</sup> Dalam kejadian lain yang berlaku di Kulim, dua orang Cina dibunuh oleh komunis pada 31 Oktober 1948. Kad pengenalan mangsa turut dirampas.<sup>11</sup>

Kejadian komunis yang lain berlaku pada 8.00 malam, 17 Ogos 1949, sebutir bom tangan dicampak oleh komunis ke dalam rumah seorang doktor Cina di Kulim. Dalam kejadian itu, seorang kanak-kanak telah dcederakan.<sup>12</sup> Manakala, dalam kejadian yang berlaku pada 27 Jun 1950, dilaporkan komunis telah menembak mati seorang penduduk Melayu di kawasan Kulim.<sup>13</sup> Sementara itu, dalam kejadian lain di kawasan Kulim, segerombolan 50 orang komunis telah melakukan serbuan ke atas beberapa kampung pada malam 14 Ogos 1950. Mereka kemudian merampas kad pengenalan daripada

---

<sup>7</sup> Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For June 1948, CO 717/175/52849/22/Part II, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

<sup>8</sup> Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For October 1948, CO 717/175/52849/22/Pt. II, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

<sup>9</sup> Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For October 1948, CO 717/175/52849/22/Part II, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

<sup>10</sup> *Majlis*, 1 November 1948, hlm. 7.

<sup>11</sup> Federation of Malaya Police, Monthly C.I.D. Survey of Crime For October 1948, CO 717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

<sup>12</sup> Inward Telegram, 20 August 1949, CO 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation; Colonial Office Malaya, 12<sup>th</sup>-18<sup>th</sup> August 1949, CO 717/178/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Reports Prepared in Eastern Department (Colonial Office); Chronology of Important Events During The Emergency in Malaya For The Period July To December, 1949, Pejabat Daerah Kota Tinggi, D.O.K.T. Summary of Security Activities During Emergency; Cipher Telegram, 22 August 1949, CO 717/169/52849/8/1, Law and Order, Military Situation, FARELF Sitreps.

<sup>13</sup> *The Malaya Tribune (Singapore)*, 29 June 1950, hlm. 3.

penduduk kampung.<sup>14</sup> Pada malam 30 Ogos 1951, seorang wanita Melayu yang sedang menduduki anaknya telah mati terkena tembakan komunis tatkala komunis menyerbu Kampung Merah di daerah Baling.<sup>15</sup> Dalam kejadian lain, pada 27 Januari 1951, kira-kira 2,000 orang komunis bersenjatakan parang dan senapang patah telah menyerang sebuah petempatan Cina di Pokok Stoi, Bukit Junong, di kawasan utara Kedah. Dalam kejadian tersebut, sembilan orang Cina terbunuh dan tiga orang lagi dilaporkan hilang.<sup>16</sup> Pada 25 Januari 1952 pula, seorang penduduk Melayu mati ditembak oleh empat orang komunis di daerah Pendang.<sup>17</sup>

Komunis turut melakukan keganasan terhadap penduduk yang tidak bekerjasama dengan mereka. Keganasan komunis itu telah dilaporkan berlaku di Bukit Junun di dalam daerah Kota Setar yang letaknya berdekatan dengan Alor Setar. Kedudukan Bukit Junun yang dikelilingi oleh hutan tebal dan berbukit bukau telah memudahkan pergerakan komunis. Dalam kejadian itu, komunis menyerang Kampung Baloh dan membunuh ketua kampungnya bernama Hanifah Omar. Kejadian itu berlaku kerana ketua kampung dan penduduknya tidak mahu bekerjasama dengan komunis, sebaliknya memberi maklumat mengenai pergerakan komunis di kawasan itu kepada pihak kerajaan. Keganasan komunis terhadap penduduk yang tidak bekerjasama dengan mereka diteruskan di kawasan Bukit Junun pada tahun 1951. Pada 1 Januari 1951, komunis telah menyerang Kampung Paya Mak Ison dan membunuh ketua kampungnya, Kassim b. Awang yang enggan bekerjasama dengan komunis. Mayatnya diletakkan di dalam belukar berhampiran dengan jalan raya. Kemudian mayat itu telah ditemui oleh orang kampung. Semasa orang kampung mahu mengambil mayat itu, mereka telah diserang hendap oleh komunis. Kejadian itu menyebabkan 14 orang kampung dan polis telah terbunuh. Seterusnya, pada Mac 1951 komunis menyerang Kampung Manggol yang letaknya bertentangan dengan Kampung Ubi. Komunis cuba membunuh dua orang kampung yang dipercayai mempunyai hubungan dengan kerajaan British. Namun demikian, serangan komunis itu telah dapat dipatahkan oleh pihak keselamatan melalui kerjasama penduduk.<sup>18</sup>

Selain itu, komunis juga membakar rumah penduduk dan mendatangkan kesusahan serta kerugian kepada mereka. Kejadian itu berlaku pada 22 November 1950 di Sungai Petani. Dalam kejadian itu, komunis membakar 30 buah rumah setingan berdekatan dengan Kampung Bukit Selambu, Sungai Petani. Kejahatan komunis itu telah menyebabkan seorang penduduk terbunuh dan lebih kurang 200 orang penduduk

---

<sup>14</sup> The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 15 For Week Ending 17 August 1950, CO 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Summary.

<sup>15</sup> *Majlis*, 1 September 1951, hlm. 6.

<sup>16</sup> *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 1950, 25<sup>th</sup> February 1951, CO 717/205/52932/1951, Association of British Malaya Monthly Bulletin.

<sup>17</sup> The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 91 For The Week Ending The 31<sup>st</sup> January 1952, Part II, CO 1022/14/SEA10/14/03, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity; *The Straits Times*, 26 January 1952, hlm. 7.

<sup>18</sup> Baharom Mansor & Abu Bakar Majid, "Kegiatan Komunis dan Kesannya Ke Atas Hubungan Kaum: Bukit Tambun dan Bukit Junun", dalam Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang (Penyunting), *Darurat 1948-1960*, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera Malaysia, 1989, hlm. 139-141.

kehilangan tempat tinggal.<sup>19</sup> Sementara itu, pada 2 Mac 1951, komunis membakar sebuah kedai menjual getah di sebuah kampung di kawasan Kulim. Perbuatan komunis itu menyebabkan api merebak dan memusnahkan setengah daripada kampung berkenaan termasuklah sebuah sekolah dan 31 buah rumah kedai.<sup>20</sup> Tindakan komunis itu bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk tetapi pada masa yang sama juga mendatangkan kesusahan dan kerugian kepada penduduk di kawasan yang terlibat.

Pada zaman darurat, golongan pekedai juga berdepan dengan kesusahan kerana mereka menjadi sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang dan keperluan lain. Wang yang dikumpul dari perbuatan peras ugut yang dilakukan oleh komunis adalah sumber penting bagi mereka meneruskan perjuangan di Tanah Melayu. Pada Oktober 1948, dua orang pekedai Cina di Kampung Tawar, Baling, masing-masing telah menerima surat daripada komunis yang meminta wang sejumlah \$1,000 setiap orang.<sup>21</sup> Sekiranya mereka tidak menyerahkan wang itu kepada komunis, maka keselamatan diri, keluarga, kedai dan perniagaan mereka berada dalam keadaan bahaya.

Pasukan keselamatan juga berdepan dengan bahaya ancaman komunis. Begitu juga balai-balai polis yang terletak di kawasan terpencil turut diserbu oleh komunis. Antaranya, pada tahun 1952, komunis melakukan serangan hendap ke atas sepasukan polis yang sedang meronda di Batu 15½ Jalan Sintok. Serangan komunis yang dilakukan secara mengejut itu telah mengakibatkan seorang konstable polis terbunuh, Konst. Daud Awang. Pada tahun itu juga, satu lagi peristiwa serangan komunis dilakukan ke atas Balai Polis Sintok. Sintok terletak di timur laut Changlun dan kira-kira 6.4 kilometer dari sempadan Thailand dengan kawasan berbukit-bukau dan diliputi hutan rimba memang satu kawasan terpencil yang sesuai bagi pergerakan dan persembunyian pihak komunis.<sup>22</sup> Sementara itu, pada Mei 1954, Ketua Pegawai Polis, Kedah, telah diserang hendap dan dibunuh oleh komunis di Jalan Peak Kedah. Kejadian komunis dilaporkan lagi di Kedah pada November 1954 yang melibatkan kenderaan polis diserang oleh komunis. Kejadian itu menyebabkan kematian anggota polis dan perampasan senjata oleh komunis.<sup>23</sup>

Dalam pada itu, pekerja di estet di negeri Kedah juga menderita akibat keganasan komunis. Mereka termasuklah saudagar getah, pekerja, penoreh getah, ketua pekerja dan peladang Eropah. Dalam kejadian itu, komunis menyerbu estet getah dan seterusnya melakukan kejahatan dan kerosakan di kawasan estet. Tindakan komunis itu menyebabkan kerja harian di estet terganggu, malahan nyawa pekerja turut terancam. Selain daripada tujuan

---

<sup>19</sup> *The Singapore Free Press*, 23 November 1950, hlm. 1; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 23 November 1950, hlm. 8; *Straits Echo & Times of Malaya*, 23 November 1950, hlm. 7.

<sup>20</sup> *The Malay Mail*, 6 March 1951, hlm. 3.

<sup>21</sup> Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For October 1948, CO 717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

<sup>22</sup> Majlis Pengkisahan Sejarah "Sintok: Darurat di Kedah", Anjuran Bersama Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis & Universiti Utara Malaysia, di Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia, 26 Februari 2000, hlm. 6-7.

<sup>23</sup> *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 411-412.



melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu, gerombolan komunis yang bergerak di sekitar estet juga bertujuan untuk mendapatkan makanan dan bantuan lain dengan cara ugutan dan keganasan.<sup>24</sup> Pada masa yang sama, bangunan, hasil getah dan pokok getah juga dirosakkan oleh komunis untuk mengganggu perjalanan ekonomi British di Tanah Melayu. Kekacauan itu diharapkan dapat membawa pengangguran dan pekerja yang meninggalkan estet dapat dikumpulkan untuk menanam makanan bagi pihak komunis.<sup>25</sup> Oleh itu, kegiatan merosakkan pokok getah, susu getah, rumah asap, rumah kongsi, kelengkapan dan menakut-nakutkan pekerja estet sering berlaku pada zaman darurat. Begitu juga, pekerja, kepala buruh dan kontraktor dibunuh supaya mereka tidak hadir bekerja. Mereka juga diugut akan dibunuh sekiranya tidak mahu bekerjasama dengan komunis.

Antara kejadian komunis di estet getah telah berlaku ke atas seorang saudagar getah bernama Ooi Cheng Teh. Mangsa ditembak mati oleh komunis di Estet Dublin, Kulim, pada malam 17 Jun 1948.<sup>26</sup> Dalam perkembangan lain, pada 7 Julai 1949, sekumpulan komunis menyerbu Estet Wooi Bok Weng di Kulim. Mereka membunuh dua orang pekerja Cina dan merampas wang tunai milik pekerja estet berkenaan sebelum melarikan diri.<sup>27</sup> Dalam perkembangan lain, komunis menyerbu estet di kawasan Kedah dan merosakan tempat tinggal pekerja, merampas harta benda mereka dan melakukan kekejaman ke atas pekerja. Kejadian komunis seumpama itu telah berlaku di Estet Rajah, Kulim pada 15 Mac 1950. Dalam kejadian itu, Estet Rajah, telah diserbu oleh 15 orang komunis. Komunis seterusnya membakar rumah asap, sebuah rumah kongsi dan rumah kepala buruh estet berkenaan. Mereka juga membunuh seorang kepala buruh estet, sebelum melarikan diri.<sup>28</sup> Pada 15 Mac 1950 juga, kira-kira 9 malam, sekumpulan komunis menyerang Estet Kebon Raja di Merbok, Selarong Panjang, Karangan. Mereka menikam mati seorang kepala buruh berbangsa Cina dan mengarahkan semua penghuni kongsi memindahkan barang-barang kepunyaan mereka sebelum membakar rumah kongsi dan rumah asap. Kerugian yang dialami akibat tindakan komunis adalah dianggarkan kira-kira bernilai \$12,000.<sup>29</sup>

Dalam kejadian lain, pada 22 Julai 1950, di Kampung Karangan, Kulim, sepasang suami isteri yang bekerja sebagai penoreh getah dibunuh

---

<sup>24</sup> Malayan Bulletin, 24<sup>th</sup> November 1950, Vol. 4, No. 47, CO 717/205/52932/1950, Association of British Malaya Monthly Bulletin.

<sup>25</sup> *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, Singapore: The Department of Information, Federation of Malaya, Public Relations Office, Singapore and The Regional Information Office, July 1956, hlm. 17; *The Malay Mail*, 7 February 1950, hlm. 5.

<sup>26</sup> *The Straits Times*, 19 June 1948, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, 19 June 1948, hlm. 4; *The Malay Mail*, 19 June 1948, hlm. 6.

<sup>27</sup> Inward Telegram, 9 July 1949, CO 717/173/52849/11/1, Law and Order, Weeking Situation Reports From The Federation.

<sup>28</sup> Colonial Office Malaya, 10<sup>th</sup>-16<sup>th</sup> March 1950, CO 717/201/52849/62, Law and Order, Weekly Situation Report.

<sup>29</sup> Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For March 1950, CO 717/200/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime.

oleh komunis di sebuah estet.<sup>30</sup> Kejadian komunis membakar bangunan di kawasan estet juga berlaku pada malam 14 Ogos 1950 di kawasan Kulim. Komunis membakar rumah asap kepunyaan Estet Ban Huat Chan.<sup>31</sup> Dalam perkembangan lain, pada awal Oktober 1950, sekumpulan komunis mengunjungi sebuah rumah kongsi Cina di sebuah estet getah di kawasan Kedah Tengah, lebih kurang 10 batu ke arah timur laut Sungai Petani. Komunis merampas kad pengenalan pekerja. Dalam kejadian itu, komunis turut menculik seorang pekerja dan kemudian mangsa ditemui mati ditembak oleh komunis.<sup>32</sup> Manakala, pada 19 Februari 1952, komunis melakukan lagi kejahatan dengan membunuh seorang lelaki Melayu di Estet Aik Bee, Selarong Panjang, Kulim. Pada Februari 1952 juga, mayat seorang penoreh Cina Kantonis ditemui di kawasan Kulim, dengan cedera teruk di belakang mayat akibat tembakan. Dipercayai bahawa mangsa telah diserang dan kemudian ditembak oleh komunis yang berkeliaran di kawasan itu.<sup>33</sup>

Selain pekerja dan penoreh, peladang berbangsa Eropah yang bekerja di estet-estet getah turut menjadi sasaran keganasan komunis yang bertujuan untuk melumpuhkan ekonomi di Tanah Melayu. Kejadian komunis itu telah dilaporkan berlaku pada 4 Ogos 1948, K.W. Burnham, pengurus Estet Bukit Sidim di Kulim ditemui mati ditembak oleh komunis.<sup>34</sup> Kejadian lain berlaku pada 14 Februari 1949, di kawasan Kulim. Seorang peladang Eropah bernama F.P.W. Harrison, dari Estet Somme, Terap, Kulim, telah diserang hendap oleh segerombolan komunis. Mangsa kemudian ditemui mati kerana ditembak oleh komunis.<sup>35</sup> Dalam kejadian serangan komunis yang berlaku pada 14 Ogos 1950 di kawasan Serdang, Kedah pula, seorang peladang Eropah bernama J.A. Diggins telah terbunuh.<sup>36</sup> Dalam perkembangan lain, seorang peladang Eropah yang dalam perjalanan ke sebuah estet di kawasan Kulim, diserang hendap oleh segerombolan 30 orang komunis pada 7 Mac 1951. Dalam kejadian itu, peladang berkenaan mengalami kecederaan parah akibat angkara komunis.<sup>37</sup> Serangan komunis ke atas peladang Eropah turut dilaporkan berlaku pada 11 April 1951 di Karangan yang mengorbankan seorang peladang bernama D. Stork.<sup>38</sup>

---

<sup>30</sup> Labour Department Monthly Report July 1950, Setiausaha Kerajaan Terengganu, S.U.K. TR. 71/1950, Labour Department Monthly Report 1950. Lihat juga *Majlis*, 24 Julai 1950, hlm. 2.

<sup>31</sup> The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 15 For Week Ending 17 August 1950, CO 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Summary.

<sup>32</sup> The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 22 For Week Ending 5 October 1950, CO 717/198/52849/8/4, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary.

<sup>33</sup> The Security Forces Weekly Intelligence Summary No. 95 For The Week Ending The 28<sup>th</sup> February 1952, Part II, CO 1022/14/SEA10/14/03, Security Forces Weekly Intelligence Summary on Bandit Activity.

<sup>34</sup> *The Straits Times*, 5 August 1948, hlm. 1; *Kin Kwok Daily News*, 6 August 1948, hlm. 4; *The Malay Mail*, 5 August 1948, hlm. 5.

<sup>35</sup> *Indian Daily Mail*, 16 February 1949, hlm. 4; *The Malay Mail*, 15 February 1949, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 15 February 1949, hlm. 1.

<sup>36</sup> *The Planter February 1954*, Official Magazine of The Incorporated Society of Planters, CO 1030/15/FED12/108/04, Casualties Among Rubber Planters in The Federation of Malaya Since The Commencement of The Emergency.

<sup>37</sup> *Kin Kwok Daily News*, 9 March 1951, hlm. 4.

<sup>38</sup> *The Planter February 1954*, Official Magazine of The Incorporated Society of Planters, CO 1030/15/FED12/108/04, Casualties Among Rubber Planters in The Federation of Malaya Since The Commencement of The Emergency.

Kegiatan komunis tersebut mendatangkan banyak kesusahan dan gangguan kepada para pekerja dan pihak pengurusan dalam menjalankan kerja-kerja mereka di estet. Begitu juga, tindakan komunis itu turut mengakibatkan kerugian kepada para pekerja dan pemilik estet kerana kerosakan harta benda dan keselamatan nyawa yang tidak terjamin kesan daripada perbuatan komunis. Dengan itu, turut lahirnya perasaan kebimbangan dan ketidakyakinan dalam kalangan pekerja untuk terus bekerja di estet.

Selain itu, komunis juga melakukan sabotaj ke atas sistem perhubungan awam seperti bas dan lori. Perbuatan komunis itu mendatangkan kesusahan dan menimbulkan kebimbangan kepada pengguna jalan raya. Antaranya, pada 12 Oktober 1948, kira-kira 4.30 petang, sebuah bas dengan lapan orang penumpang dari Sintok ke Changlun, telah ditahan di Batu 18 oleh dua orang komunis yang menyamar sebagai penumpang dari Changlun. Dalam kejadian itu, komunis telah merampas wang dan barangan yang dibawa oleh penumpang.<sup>39</sup> Kejadian lain berlaku pada 6 Mac 1950, sebuah lori estet dari Sungai Dingin menuju Jalan Besar di daerah Kulim, telah ditahan dan ditembak oleh sekumpulan komunis. Dalam kejadian itu, tiga orang mata-mata khas, seorang kerani estet, seorang pemandu lori dan seorang buruh terbunuh.<sup>40</sup>

Sementara itu, kemudahan asas di negeri Kedah juga tidak dapat lari daripada sabotaj pihak komunis pada zaman darurat. Antara kejadian sabotaj kemudahan asas oleh komunis telah berlaku pada 20 November 1948 di Estet Harvard yang letaknya di Kedah Tengah. Dalam kejadian itu, komunis yang menyerang Estet Harvard telah memotong wayar telefon di estet berkenaan supaya pekerja dan pihak pengurusan estet tidak dapat meminta bantuan daripada pihak luar dengan kadar segera.<sup>41</sup> Selain itu, komunis juga mengganggu kemudahan bekalan elektrik di negeri Kedah. Kejadian itu berlaku pada 18 Mei 1951 yang melibatkan sebuah stesen penjana elektrik dibakar oleh 12 orang komunis.<sup>42</sup> Perbuatan sabotaj komunis terhadap kemudahan asas telah mendatangkan kesulitan dan gangguan kepada penduduk dan pihak yang berkenaan.

Di daerah Kulim, misalnya, sejak zaman darurat, cara hidup penduduk telah berubah dan kehidupan mereka sebelum ini yang tenteram turut terganggu. Estet getah yang merupakan tempat bekerja mereka sering diganggu dan pokok getah serta peralatan dirosakkan oleh komunis. Malahan, sebelum bermulanya zaman darurat, penduduk selalu ke pekan Kulim selepas menghabiskan kerja menoreh getah, tetapi apabila berlakunya keganasan komunis, aktiviti penduduk itu tidak boleh dilakukan lagi kerana adanya arahan berkurung yang menyekat kebebasan mereka. Di samping itu,

---

<sup>39</sup> Federation of Malaya Police Monthly C.I.D. Survey of Crime For October 1948, CO 717/175/52849/22, Law and Order, Monthly C.I.D. Survey of Crime. Lihat juga *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 14 October 1948, hlm. 1; *Indian Daily Mail*, 14 October 1948, hlm. 4.

<sup>40</sup> *Majlis*, 8 Mac 1950, hlm. 2; *Sing Pin Jih Pao*, 7 March 1950, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 9 March 1950, hlm. 5.

<sup>41</sup> *Indian Daily Mail*, 23 November 1948, hlm. 4; *The Malay Mail*, 22 November 1948, hlm. 5.

<sup>42</sup> *The China Press*, 21 May 1951, hlm. 5.

mereka juga bimbang akan terserempak dengan komunis yang bergerak di kawasan itu.<sup>43</sup> Bagi penduduk di kawasan Baling pula, mereka terasa kesan darurat yang mendatangkan tekanan kepada kehidupan harian. Keadaan itu dinyatakan oleh Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman, wakil dari Kampung Pisang, Kupang, Baling, dimana penduduk di Baling sukar untuk tidur malam kerana terpaksa menjaga keselamatan diri. Lantaran itu, lebih kurang 500 penduduk telah mengadakan perhimpunan di Balai Polis Baling untuk mendesak kerajaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menjamin keselamatan penduduk di kawasan itu. Daripada luahan dan tindakan yang diambil oleh penduduk Baling dapat dilihat bahawa telah timbul perasaan tidak puas hati dan kecewa dari kalangan penduduk.<sup>44</sup>

Berdasarkan kegiatan yang dilakukan oleh komunis tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa penduduk dan pelbagai pihak di negeri Kedah berdepan dengan bahaya ancaman komunis pada zaman darurat. Komunis telah melakukan banyak kekacauan dan sabotaj yang mendatangkan kesusahan dan kerugian kepada penduduk dan negeri Kedah. Keadaan itu mengakibatkan pihak kerajaan terpaksa mengambil tindakan tegas untuk menanganinya. Antaranya, pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan diri; pelancaran Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat; Rancangan Penempatan Semula; penubuhan pasukan Home Guard; melancarkan operasi ketenteraan untuk membanteras komunis; mengenakan hukuman berkurung, arahan tutup kedai dan perpindahan penduduk; mengawal pergerakan makanan oleh penduduk; pembersihan tepi-tepi jalan dan sebagainya. Langkah-langkah kerajaan itu telah berjaya melemahkan pergerakan komunis.

Sehingga 28 Ogos 1959, 90 peratus daripada komunis di negeri Kedah telah dapat ditumpaskan oleh pihak kerajaan. Sejak zaman darurat bermula sehingga 28 Ogos 1959, sejumlah 504 orang komunis telah berjaya sama ada dibunuh, ditangkap mahupun menyerah diri kepada pihak kerajaan di Kedah. Perkembangan itu dapat dilihat dalam Jadual 1. Jadual 1 turut menunjukkan bahawa pada masa yang sama, pergerakan komunis di negeri-negeri Melayu yang lain juga dapat dilemahkan oleh pihak kerajaan. Sehingga 28 Ogos 1959, purata 98 peratus atau sejumlah 10,561 orang komunis di Tanah Melayu telah berjaya dibunuh, ditawan atau menyerah diri kepada pihak kerajaan. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa pergerakan komunis di Tanah Melayu telah menjadi semakin lemah. Berikutnya, pada 31 Julai 1960, Undang-undang Darurat yang diperkenalkan pada Jun 1948 telah ditarik balik oleh kerajaan termasuklah di negeri Kedah.

---

<sup>43</sup> Ismail Johari, *Bukit Kepong*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 22-23.

<sup>44</sup> Mohd. Isa Othman, *Pengalaman Kedah dan Perlis Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., 2001, hlm. 156.

Jadual 1: Kekuatan Komunis pada 28 Ogos 1959 dan Komunis yang Dibunuh, Ditawan dan Menyerah Diri sejak tahun 1948

Negeri	Kekuatan Komunis Pada 28 Ogos 1959	Komunis yang Dibunuh/Ditawan /Menyerah Diri Sejak 1948	Jumlah	Peratusan (Dibunuh/ Ditawan/ Menyerah Diri)
Perak	155	2,336	2,491	94%
Kelantan	0	117	117	100%
Terengganu	8	209	217	96%
Pahang	20	2,137	2,157	99%
Johor	0	2,732	2,732	100%
Pulau Pinang	4	131	135	97%
Kedah	53	504	557	90%
Selangor	0	1,303	1,303	100%
Negeri Sembilan	0	893	893	100%
Melaka	0	199	199	100%
Tanah Melayu	240	10,561	10,801	98%

Sumber: Leon Comber, *Malaya's Secret Police 1945-60: The Role of the Special Branch in the Malayan Emergency*, Australia and Singapore: Monash Asia Institute, Institute of Southeast Asian Studies, 2008, hlm. 277.

### **Ancaman Komunis, 1968-1989**

Berikutan pengisytiharan tamatnya darurat pada 31 Julai 1960, berakhirnya tahap pertama pergerakan bersenjata komunis di Tanah Melayu. Namun demikian, keadaan itu tidaklah bermakna pergerakan bersenjata komunis di bawah PKM sudah berakhir. Setelah zaman darurat tamat, pemimpin mereka, Chin Peng bersama sebahagian pemimpin dan anggota komunis masih bersembunyi di sebelah sempadan Tanah Melayu-Thailand untuk menunggu kemungkinan peluang bagi mereka menyambung semula perjuangan di Tanah Melayu. Di situ mereka telah menyusun dan menguatkan barisan tenteranya antara tahun 1961 hingga 1968. Oleh itu, komunis masih merupakan satu ancaman kepada keselamatan dan keamanan negara kerana mereka masih berpegang kepada matlamat untuk menggulingkan kerajaan yang sah dengan kekerasan dan bersenjata.

Komunis akhirnya bangkit semula di Semenanjung Tanah Melayu pada lewat 1960-an dan bergerak aktif sehingga akhir tahun 1970-an. Pada Jun 1968 komunis mengambil keputusan untuk kembali semula ke Semenanjung Tanah Melayu dan memulakan gerakan bersenjata buat kali kedua. Pada 17 Jun 1968, komunis memulakan serangan pertama di Semenanjung dengan melintasi sempadan dari selatan Thailand. Mereka melakukan serangan hendap ke atas pasukan keselamatan Malaysia di Kroh yang menyebabkan 17 orang anggota keselamatan terkorban.<sup>45</sup> Dengan itu, setelah hampir lapan

<sup>45</sup> Research Memorandum, Thomas L. Hughes, "The Malaysian Communists: Serious Menace or Perpetual Irritant?", FCO 24/474/FWM1/2 (Part A), Malaysia: Political Affairs Internal Situation; *The Path of Violence to Absolute Power*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1968, hlm. 4. Lihat juga Richard Clutterbuck, *Conflict and Violence in Singapore and Malaysia 1945-1983*, Singapore: Graham Brash (Pte) Ltd., 1984, hlm. 285; A. Navaratnam, *The Spear*

tahun berdiam diri di kawasan selatan Thailand, komunis telah kembali untuk meneruskan perjuangan mereka yang bermatlamatkan menubuhkan sebuah republik komunis. Peristiwa itu merupakan kejadian pertama yang dilakukan oleh komunis di Semenanjung Tanah Melayu yang menandakan bermulanya pergerakan bersenjata kedua komunis.

Berikutnya, serangan, pembunuhan dan sabotaj telah dilancarkan oleh komunis. Sasaran utama mereka pada kali ini ialah anggota keselamatan dan pegawai kanan keselamatan kerana mereka secara langsung berhubung kait dengan operasi menghapuskan komunis. Di samping itu, komunis turut dilaporkan menyerang orang awam yang menyebabkan kecederaan dan kematian. Komunis juga mensabotaj kemudahan perhubungan dan mengganggu perjalanan orang awam. Masalah komunis tersebut telah mendatangkan kesusahan, gangguan dan tekanan kepada kehidupan penduduk. Pada masa yang sama, ia juga menimbulkan masalah besar kepada pihak kerajaan dalam usaha menghapuskan gerakan komunis. Walau bagaimanapun, ancaman komunis akhirnya dapat diselesaikan apabila komunis bersetuju berunding dan seterusnya menandatangani perjanjian perdamaian dengan kerajaan pada 2 Disember 1989.

Anggota keselamatan menjadi tumpuan utama komunis untuk melancarkan serangan mereka. Ini kerana anggota keselamatan mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam gerakan atau operasi mengesan, memburu dan menghapuskan komunis. Kehadiran pasukan keselamatan itu boleh mengganggu rancangan dan pergerakan komunis ke arah mencapai matlamat perjuangannya. Justeru itu, anggota keselamatan sering berdepan dengan bahaya ancaman komunis. Antaranya, pada 27 Julai 1969, komunis menyerang hendap sepasukan keselamatan yang dihantar ke kawasan Sintok untuk menjalankan siasatan ke atas kejadian pembunuhan seorang wanita Cina oleh komunis pada 24 Julai 1969. Kejadian berlaku pada 6 petang ketika pasukan keselamatan peronda sedang bergerak dalam hutan tebal di kawasan itu. Kejadian komunis itu mengakibatkan enam orang askar terbunuh dan lapan yang lain cedera.<sup>46</sup> Setelah berlakunya peristiwa itu, siasatan dijalankan oleh pihak kerajaan dan tindakan dikenakan ke atas penduduk yang disyaki. Operasi bermula pada 4.30 pagi oleh askar dan polis dengan diiringi oleh pegawai-pegawai kerajaan. Pada 4 Ogos 1969, semua lelaki, wanita dan kanak-kanak di kawasan Sintok dan juga 35 orang penduduk di kawasan perlombongan bijih berdekatan Badak dan Kampung Sintok telah ditahan. Dalam operasi itu, sejumlah 117 orang kesemuanya yang ditahan dan disoal siasat oleh pihak kerajaan. Kertas soal selidik juga diedarkan kepada penduduk untuk membantu pihak kerajaan mengetahui

---

*and The Kerambit: The Exploits of VAT 69, Malaysia's Elite Fighting Force 1968-1989*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2001, hlm. 8; J.J. Raj (Jr), *The Struggle For Malaysian Independence*, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd., 2007, hlm. 248.

<sup>46</sup> *Munchul-nya Semula Anchaman Komunis Bersenjata di Malaysia Barat*, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971, hlm. 4; *Communism in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: s.n., 1971, hlm. 25. Lihat juga *Malaysia 1969 Official Year Book*, Vol. 9, Government Press, 1971, hlm. 97; *Royal Malaysia Police Annual Report 1969*, Kuala Lumpur: Jabatan Chetak Kerajaan, 1971, hlm. 76. Rujuk juga *Berita Harian*, 30 Julai 1969, hlm. 1; 31 Julai 1969, hlm. 1; 9 September 1969, hlm. 2; 18 Disember 1969, hlm. 5; *The Malay Mail*, 3 August 1969, hlm. 3; *Sin Chew Jit Poh*, 30 July 1969, hlm. 5; *The Straits Times*, 30 July 1969, hlm. 1.

hubungan mereka dengan komunis. Bagaimanapun, setelah siasatan dilakukan, kesemua 117 orang penduduk dibebaskan dan mereka tidak lagi dibenarkan tinggal di mana-mana kawasan berdekatan kawasan sempadan. Sebaliknya, mereka dipindahkan ke kawasan baru yang jauh dari sempadan Thailand dan hanya dibenarkan membawa bersama pakaian, tilam dan batal mereka ketika berpindah. Sekatan itu dikenakan untuk mengelakkan penduduk tersebut berhubung dengan komunis atau dihubungi oleh komunis.<sup>47</sup>

Seterusnya, pada 25 Oktober 1969, komunis juga cuba menyerang hendap konvoi pasukan keselamatan Malaysia yang terdiri daripada dua buah kereta perisai dan tiga buah kereta tentera yang sedang bergerak bagi mengesan komunis di kawasan sempadan antara Changlun dengan Sadao, iaitu berdekatan Alor Setar. Bagaimanapun, percubaan komunis itu gagal. Ini kerana pasukan keselamatan segera membalas tembakan dan komunis melarikan diri ke dalam hutan. Berikutan kejadian itu, jalan antara Changlun dan Sadao ditutup kepada semua kereta untuk memudahkan pasukan keselamatan bertindak mengesan komunis yang terlibat dan memastikan jalan itu selamat digunakan. Jalan itu dibuka semula pada tengah malam 28 Oktober 1969.<sup>48</sup> Kegagalan serangan komunis itu tidaklah mematahkan semangat juang mereka, malah komunis meneruskan kegiatan keganasan dan kekerasan. Seterusnya, dilaporkan pula segerombolan komunis melepaskan 10-15 das tembakan ke arah Balai Polis Padang Besar, Alor Setar tetapi tidak mengakibatkan sebarang korban jiwa mahupun kerosakan. Kejadian itu berlaku pada 9 malam, 14 Disember 1969,<sup>49</sup>

Pada 11 Ogos 1971 pula, empat orang anggota keselamatan kerajaan terbunuh dalam kejadian serang hendap oleh komunis di Padang Terap di Kedah Utara. Dalam gerakan itu, pihak keselamatan berjaya membunuh seorang komunis.<sup>50</sup> Dalam kejadian lain, pada 24 Januari 1972, pasukan keselamatan bertempur dengan sekumpulan 10-15 orang komunis di kawasan Kulim. Kejadian itu mengakibatkan dua orang anggota keselamatan mengalami kecederaan.<sup>51</sup> Seterusnya, pada 24 Mac 1973, seorang askar ditembak mati dalam pertempuran dengan sekumpulan 10 orang komunis di kawasan Hutan Simpanan Ulu Muda, 20 batu dari Baling. Turut dipercayai berlaku kecederaan di pihak komunis berdasarkan kesan darah yang

---

<sup>47</sup> Ho Hui Ling, "Pertentangan Komunis Dengan Kerajaan di Negeri Kedah, 1968-1989", *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bilangan 31, 2012, hlm. 123. Lihat juga *The Malay Mail*, 21 September 1969, hlm. 9; *Berita Harian*, 5 Ogos 1969, hlm. 1; *The Straits Times*, 5 August 1969, hlm. 1.

<sup>48</sup> *Munchul-nya Semula Anchaman Komunis Bersenjata di Malaysia Barat*, hlm. 4-5; Ho Hui Ling, "Pertentangan Komunis Dengan Kerajaan di Negeri Kedah, 1968-1989", hlm. 124. Lihat juga *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97; *Berita Harian*, 26 Oktober 1969, hlm. 1 dan 14; 28 Oktober 1969, hlm. 1; 29 Oktober 1969, hlm. 1; *Sin Chew Jit Poh*, 26 October 1969, hlm. 5; 27 October 1969, hlm. 5; 29 October 1969, hlm. 5.

<sup>49</sup> *Berita Harian*, 16 Disember 1969, hlm. 1; *The Straits Times*, 16 December 1969, hlm. 1. Lihat juga *Munchul-nya Semula Anchaman Komunis Bersenjata di Malaysia Barat*, hlm. hlm. 5; *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97; *Royal Malaysia Police Annual Report 1969*, hlm. 76

<sup>50</sup> *Daily Telegraph*, 2 November 1971, FCO 24/1161/FWM1/12, Communist Threat to Malaysia. Lihat juga *The Malay Mail*, 13 August 1971, hlm. 1.

<sup>51</sup> *The Straits Times*, 30 January 1972, hlm. 1.

dijumpai oleh pasukan keselamatan.<sup>52</sup> Manakala, komunis membunuh Ketua Inspektor, Chin Chin Kou pada 13 Julai 1973 di pekan Serdang, Kulim, iaitu di rumah mangsa yang letaknya kira-kira 150 ela dari Balai Polis Serdang. Pada masa yang sama, komunis turut melontarkan sebutir bom tangan buatan sendiri dan melepaskan dua kali tembakan ke atas Balai Polis berkenaan.<sup>53</sup>

Sementara itu, pada 18 Jun 1975, lapan orang anggota Pasukan Polis Hutan telah terbunuh dalam satu kejadian serang hendap komunis di sempadan Malaysia-Thailand, iaitu di kawasan berdekatan Bukit Kayu Hitam. Anggota polis hutan Malaysia yang terkorban ialah MM Maan bin Ahmad Sirat, MM Suparman bin Masron, MM Alizar bin Suruman, MM Mohd. Zahid bin Jumaat, MM Madiun bin Abdul Wahab, MM Abu Nordin bin Ibrahim, MM Saian bin Salimin dan MM Mohd. Nor bin Tumin dari Batalion Ke-6 Pasukan Polis Hutan Kuala Lumpur. Kejadian itu turut menyebabkan tiga orang kakitangan Jabatan Ukur Malaysia dan empat orang anggota Pasukan Peronda Sempadan Polis Thai terkorban. Di samping itu, tiga lagi anggota Pasukan Polis Hutan Malaysia dan dua orang polis Thai cedera. Kejadian itu berlaku ketika tiga orang kakitangan Jabatan Ukur sedang menjalankan kerja mengukur di daerah Kubang Pasu berdekatan sempadan Thai-Malaysia dengan dibantu oleh Pasukan Polis Hutan.<sup>54</sup> Dalam kejadian lain, pada 17 April 1976, empat orang askar cedera dalam dua kejadian komunis di kawasan berdekatan sempadan Kedah-Thailand. Antaranya, tiga orang askar mengalami kecederaan apabila komunis melepaskan tembakan ke atas helikopter yang mendaratkan mereka. Seorang lagi askar cedera kerana terkena perangkap samar komunis.<sup>55</sup> Dalam kejadian serang hendap komunis di Kampung Baling pada 20 Oktober 1981 pula telah menyebabkan tiga orang askar mati dan dua orang lagi cedera.<sup>56</sup>

Dalam tempoh kebangkitan semula komunis, orang awam juga tidak dapat lari dari serangan dan keganasan komunis. Ini memandangkan komunis sedar bahawa orang awam adalah penting dalam membantu pergerakan komunis untuk mencapai matlamat mereka menguasai negara ini. Antaranya, pada 24 Julai 1969, segerombolan komunis mengheret seorang wanita Cina, Chen Kon Yin, dari rumahnya di sebuah kampung perlombongan terpencil di Sintok, utara Kedah. Wanita itu kemudian ditembak mati dan mayatnya dijumpai di tepi jalan. Dilaporkan bahawa pembunuhan itu dilakukan kerana komunis hendak membalas dendam ke atas mangsa. Mangsa merupakan bekas anggota komunis dan telah menyerah diri kepada pihak kerajaan lalu menjadi pemberi maklumat kepada

---

<sup>52</sup> *The Straits Times*, 26 March 1973, hlm. 1.

<sup>53</sup> *Royal Malaysia Police, Police Report 1973-1975*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1977, hlm. 94. Lihat juga *Berita Negeri Pahang*, Bil. 1, Januari 1974, hlm. 6; *Utusan Malaysia*, 15 Julai 1973, hlm. 1.

<sup>54</sup> *PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, April-Jun 1975, hlm. 18. Lihat juga *PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, Jan.-Mac. 1976, hlm. 39; *Sin Chew Jit Poh*, 19 June 1975, hlm. 5; 20 June 1975, hlm. 5; Ho Hui Ling, "Pertentangan Komunis Dengan Kerajaan di Negeri Kedah, 1968-1989", hlm. 125.

<sup>55</sup> H.N. Oakden, Major for Defence Adviser, Monthly Security Round-up – April 1976, FCO 15/2161/FAF011/1, Communist Threat in Malaysia.

<sup>56</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 22 November 1981, hlm. 4.



kerajaan.<sup>57</sup> Pada 6 Ogos 1969 pula, berlaku kejadian dua orang pemuda diserang hendap dan ditetak oleh sekumpulan lima orang yang disyaki komunis di Batu 17 Jalan Gurun, Alor Setar. Berikutnya, perintah berkurung 24 jam dikenakan di kawasan Guar Chempedak, kira-kira 17 batu ke selatan Alor Setar, mulai 6 pagi 7 Ogos 1969 untuk membolehkan pihak keselamatan melakukan siasatan ke atas kejadian itu.<sup>58</sup> Selepas itu, komunis dilaporkan muncul di Kampung Weng di daerah Baling pada pertengahan Oktober 1969.<sup>59</sup>

Dilaporkan juga komunis turut mengganggu penduduk kampung yang bekerja mencari nafkah dari hutan, begitu juga dengan pembalak dan pelombong. PKM menghasut penduduk menentang kerajaan dengan menjadikan peristiwa 13 Mei 1969 sebagai isu propaganda mereka. Mereka menyatakan kerajaan Perikatan melakukan kekejaman dan penindasan ke atas penduduk khususnya orang Cina. Disebabkan oleh kegiatan komunis tersebut, kerajaan melancarkan Operasi Semai di kawasan Sintok mulai 4 Ogos 1969 dan tamat sepenuhnya pada 16 Mac 1970. Tujuan operasi itu ialah untuk memutuskan rangkaian hubungan komunis dan menghalang propaganda komunis dari merebak dengan meluas. Di samping itu, membolehkan pihak anggota keselamatan mengadakan operasi pembersihan di kawasan Sintok. Dalam operasi itu, ramai penduduk telah ditahan untuk disoal siasat dan ada juga yang ditempatkan semula di Padang Lembu dan Gurun.<sup>60</sup>

Selain itu, komunis turut merosakkan kemudahan perhubungan penduduk. Ini dapat dilihat dalam kejadian yang berlaku pada 25 Oktober 1969, komunis memasang periuk api di sebahagian jalan antara Changlun dengan Sadao di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Tindakan komunis itu telah meletupkan jalan raya Alor Setar-Sadao di Batu 29, kira-kira satu batu dari sempadan.<sup>61</sup> Kejadian komunis berlaku lagi pada 17 Februari 1975, sebuah keretapi barangan disabotaj oleh komunis di Rimbas Mas, 1½ batu selatan Padang Besar. Komunis memasang letupan di landasan keretapi yang mengakibatkan lima buah gerabak kosong terbalik dan kepala keretapi turut rosak. Di samping itu, komunis juga menyamun pekerja keretapi dan merampas wang tunai sebanyak \$53. Komunis itu kemudian menyebarkan 34 keping risalah dakyah komunis kepada pekerja keretapi tersebut. Perbuatan komunis tersebut telah menyebabkan perjalanan keretapi terganggu. Keretapi penumpang dari Butterworth ke Bangkok terpaksa berhenti di Arau dan penumpangnya meneruskan perjalanan dengan bas ke Padang Besar dan seterusnya menaiki keretapi lain ke destinasi mereka.

---

<sup>57</sup> *Munchul-nya Semula Anchaman Komunis Bersenjata di Malaysia Barat*, hlm. 4; *Communism in Malaysia and Singapore*, hlm. 25. Lihat juga *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97; *Royal Malaysia Police Annual Report 1969*, hlm. 76. Rujuk juga *Berita Harian*, 18 Disember 1969, hlm. 5; *The Straits Times*, 26 July 1969, hlm. 1; 27 July 1969, hlm. 9.

<sup>58</sup> *Berita Harian*, 8 Ogos 1969, hlm. 1.

<sup>59</sup> *Communism in Malaysia and Singapore*, hlm. 25.

<sup>60</sup> Majlis Pengkisahan Sejarah "Sintok: Darurat Di Kedah", hlm. 8.

<sup>61</sup> *Munchul-nya Semula Anchaman Komunis Bersenjata di Malaysia Barat*, hlm. 4-5. Lihat juga *Berita Harian*, 26 Oktober 1969, hlm. 1 dan 14; 28 Oktober 1969, hlm. 1; 29 Oktober 1969, hlm. 1. Rujuk juga *Malaysia 1969 Official Year Book*, hlm. 97.

Begitu juga dua perkhidmatan keretapi tempatan antara Alor Setar dengan Padang Besar turut tergendala.<sup>62</sup>

Selain itu, dalam era kebangkitan semula PKM itu juga dapat dilihat kegiatan komunis yang cuba bersaing kuasa dengan pihak kerajaan. Mereka telah mengibarkan bendera komunis dan menyebarkan risalah komunis di tempat-tempat awam di bandar-bandar di Semenanjung Tanah Melayu. Kegiatan komunis itu terutamanya dilakukan pada peringkat awal kebangkitan semula mereka di Semenanjung Tanah Melayu untuk menunjukkan kepada orang awam bahawa mereka kembali berjuang semula dan untuk mencabar pihak kerajaan. Di pihak komunis pula, tindakan mengibarkan bendera mereka dapat menaikkan semangat ketaatan dan semangat juang gerila komunis itu sendiri.

Pada 20 Jun 1968, polis telah menjumpai risalah komunis berserta beberapa helai bendera komunis yang berwarna merah dan berbintang kuning terkibar di tingkat atas beberapa buah bangunan dan tiang letrik di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Muar, Alor Setar dan Kulim. Bersama-sama itu, polis turut menjumpai risalah dan poster komunis yang ditampal pada dinding-dinding bangunan serta diedarkan kepada orang awam. Dalam risalah itu, komunis menyeru orang ramai meneruskan perjuangan komunis bagi menggulingkan "British-United States in Malaysia and Singapore".<sup>63</sup> Sementara itu, pada 22-23 April 1970 pula, pihak keselamatan menjumpai bendera komunis dikibarkan di beberapa kawasan di tujuh buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Selangor, Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang. Empat orang anggota polis yang ditugaskan untuk menurunkan bendera berkenaan telah cedera terkena letupan bom disamping seorang awam turut tercedera.<sup>64</sup>

Walaupun keganasan, pembunuhan dan sabotaj dilakukan semula oleh PKM di Semenanjung Tanah Melayu bermula pada tahun 1968, namun ianya tidak melemahkan usaha kerajaan bagi menghapuskan pergerakan PKM. Sebaliknya, kerajaan telah melipatgandakan usaha bagi menentang komunis dengan melancarkan operasi-operasi di kawasan gerak tindak mereka. Strategi kerajaan dalam menghadapi ancaman komunis dilancarkan melalui dua jalan serentak, iaitu meningkatkan langkah-langkah keselamatan dan memajukan sosioekonomi serta mengukuhkan perpaduan masyarakat. Dalam langkah memenangi kerjasama dan sokongan penduduk, kerajaan memberi perlindungan kepada rakyat daripada ancaman komunis dan meningkatkan keadaan hidup mereka melalui projek pembangunan sosioekonomi yang dilancarkan. Selain itu, langkah ketenteraan, penguatkuasaan undang-undang dan kawalan sempadan negara juga tidak diabaikan oleh pihak kerajaan dalam menghapuskan pergerakan komunis. Justeru itu, operasi ketenteraan sering kali dilancarkan di kawasan gerak tindak komunis khasnya di negeri-negeri berdekatan dengan sempadan

---

<sup>62</sup> *PENGAMAN*, Majalah Polis Diraja Malaysia, Jan.-Mac. 1976, hlm. 39. Lihat juga *Sin Chew Jit Poh*, 3 December 1981, hlm. 3; *The Malay Mail*, 18 February 1975, hlm. 1.

<sup>63</sup> *Berita Harian*, 21 Jun 1968, hlm. 1; *Sin Chew Jit Poh*, 21 June 1968, hlm. 6; *The Straits Times*, 21 June 1968, hlm. 1.

<sup>64</sup> *Sin Chew Jit Poh*, 24 April 1970, hlm. 5.

Malaysia-Thailand dan negeri-negeri lain umumnya.<sup>65</sup> Perjuangan PKM kali kedua itu juga telah menghadapi jalan yang sukar akibat tentangan dari pasukan keselamatan dan usaha bersepadu kerajaan Malaysia dalam membanteras pergerakan PKM sehingga akhirnya PKM bersetuju untuk menghentikan perjuangan mereka.

Pada masa yang sama, kerajaan juga memberi amaran kepada penduduk yang tinggal di kawasan berdekatan dengan sempadan seperti Kedah supaya tidak membawa makanan ke dalam hutan memandangkan komunis sedang mengalami kekurangan makanan pada pertengahan tahun 1970-an. Cara itu dapat memutuskan bekalan makanan dan perubatan daripada sampai ke tangan komunis. Dengan itu, komunis terpaksa keluar dari tempat persembunyian dan keadaan itu memudahkan pasukan keselamatan untuk memburu mereka. Keadaan itu sebagaimana yang terjadi ke atas dua orang penganas komunis yang berjaya dibunuh oleh pihak keselamatan di Baling pada 18 Oktober 1976. Mereka keluar dari tempat persembunyian dalam hutan untuk mencari makanan daripada penduduk di kawasan Baling dan kemudian dapat diketahui oleh pihak keselamatan lalu dibunuhnya.<sup>66</sup>

Dengan itu, seterusnya persediaan dilakukan untuk mengadakan perbincangan demi perbincangan antara pihak kerajaan dengan PKM. Pada 2 Disember 1989, satu perjanjian perdamaian ditandatangani oleh PKM dengan kerajaan Malaysia dan Thailand di Hatyai, Thailand.<sup>67</sup> Perjanjian tersebut bukan sahaja dapat menamatkan ancaman keganasan komunis, malahan dapat menjamin kemakmuran, keselamatan dan kestabilan bagi kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan Thailand. Peristiwa itu merupakan satu kejayaan bagi Kerajaan Malaysia kerana berjaya menumpaskan pergerakan komunis. Dengan demikian, berakhirilah pergerakan bersenjata PKM selama 41 tahun yang telah bermula pada tahun 1948 dan hanya berakhir pada 1989.

---

<sup>65</sup> Maklumat lanjut tentang langkah kerajaan membanteras komunis di Kedah, lihat Ho Hui Ling, "Pertentangan Komunis Dengan Kerajaan di Negeri Kedah, 1968-1989", hlm. 128-137.

<sup>66</sup> *The Straits Times*, 3 November 1976, hlm. 7.

<sup>67</sup> Perwakilan Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Wan Sidek Wan Abdul Rahman dengan anggotanya terdiri daripada Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Kamil Jaffar; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Mohamad Hashim Mohd Ali dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd. Haniff Omar. PKM pula diwakili oleh Pengerusinya, Abdullah C.D. sebagai ketua kumpulan; Setiausaha Agung PKM, Chin Peng; dan Komander Rejimen Ke-10 PKM, Rashid Maidin, juga selaku anggota Majlis Pusat PKM. Pihak Kerajaan Thailand pula diwakili oleh Timbalan Pengarah Operasi Keselamatan Dalam Negeri, Jeneral Tan Sri Chavalit Yong-chaiyudh selaku ketua kumpulan; Pengarah Operasi Keselamatan Dalam Negeri Wilayah Empat, Leftenan Jeneral Yoothana Yampundhu; Ketua Pengarah Jabatan Polis Diraja Thailand, Jeneral Polis Sawaeng Therasawat dan Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri, Anek Sithip Rasasana. *Utusan Malaysia*, 24 Disember 1989, hlm. 26; *Nanyang Siang Pau*, 2 December 1989, hlm. 1; *The Sunday Times*, 3 December 1989, hlm. 1-3; *Berita Minggu*, 3 Disember 1989. Rujuk juga General Dato' Kitti Ratanachaya, *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand: Truce Talks Ending The Armed Struggle of the Communist Party of Malaya*, Bangkok: Dungkaew Publishing House, 1996, hlm. 276-277.

## **Kesimpulan**

Gerakan komunis merupakan satu ancaman kepada keamanan dan keselamatan negeri-negeri Melayu termasuklah Kedah sebelum dan selepas merdeka. Komunis telah melakukan banyak kekacauan, gangguan dan kerosakan di negeri-negeri Melayu dan Kedah. Dalam tempoh darurat 1948-1960, Kedah, sebagaimana negeri Melayu lain telah berdepan dengan ancaman keselamatan dan keamanan. Ancaman itu datang daripada komunis yang melakukan pelbagai kegiatan kejahatan, keganasan, pembunuhan, serangan, sabotaj dan kerosakan yang membimbangkan masyarakat Kedah dan pihak kerajaan. Komunis melakukan serangan terhadap orang awam di Kedah yang mengakibatkan mereka hidup menderita. Pasukan keselamatan di Kedah juga berada dalam bahaya ancaman komunis dan balai-balai polis di kawasan terpencil turut diserbu. Pekerja, penoreh getah, ketua pekerja dan peladang juga hidup tertekan kerana serangan dan kekacauan yang sering dilakukan ke atas kawasan estet. Selain itu, komunis juga melakukan sabotaj ke atas kenderaan awam seperti bas dan keretapi. Walau bagaimanapun, gerakan komunis akhirnya berjaya dilemahkan oleh pihak kerajaan dan berakhirnya zaman darurat pada 31 Julai 1960.

Pada zaman kebangkitan semula PKM antara 1968-1989, turut dapat dilihat PKM telah meneruskan kegiatan melancarkan serangan, melakukan pembunuhan dan sabotaj terhadap orang awam dan pasukan keselamatan. Mereka juga bertindak mensabotaj dan merosakkan kemudahan awam. Dalam mencabar pihak kerajaan, komunis juga menyebarkan risalah komunis dan mengibarkan bendera komunis di tempat-tempat awam di bandar-bandar pada peringkat awal kebangkitan semula mereka. Tindakan PKM itu turut mengganggu keamanan dan kesejahteraan negara. Namun demikian, dengan adanya tindakan pasukan keselamatan dan usaha gigih pihak kerajaan, akhirnya telah berjaya membawa komunis ke meja perundingan dan seterusnya menamatkan pergerakan bersenjata komunis secara perdamaian pada 2 Disember 1989. Dengan itu, ancaman komunis di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah di negeri Kedah telah berakhir.